

## Elemen Mengenali Murid dalam Pengajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam

Nur Hanani Hussin [1], Mohd Aderi Che Noh [2], Ab. Halim Tamuri [3]

### ABSTRACT

Generally, recognizing students' ability is one of the elements of effective lesson and excellent teacher. It is also one of the main components of Pedagogical Content Knowledge (PCK). Thus, all Excellent Islamic Education Teachers should accurately know their students and this is regarded as the important concept in the teaching of Prophet Muhammad (PBUH). The main aim of this qualitative study was to explore an Excellent Islamic Education Teacher in terms of her knowledge about her students, particularly in the lesson of Islamic worship. The subject of this study was a female Excellent Islamic Education Teacher who has more than ten years of teaching experience. The findings of the study were analyzed using NVivo 8.0. The study found that the teacher knows her students on five key characteristics, namely students' background, learning problems, characteristics, academic level and motivation. In conclusion, the teacher knowledge about the students has encouraged her to appropriately plan and implement an effective teaching and learning process.

---

**Keywords:** Excellent Islamic Education Teacher, Pedagogical Content Knowledge, Teaching of Worship.

[1] Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
nurhanani.hussin@gmail.com

[2] Jabatan Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
aderi@ukm.my

[3] Jabatan Kepimpinan dan Polisi Pendidikan  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
tamuri67@gmail.com

### PENDAHULUAN

Pengetahuan terhadap murid merupakan satu komponen penting dalam Pengetahuan Kandungan Pedagogi untuk dikuasai oleh guru Pendidikan Islam dalam menghasilkan pengajaran yang berkualiti (Shulman, 1986, 1987; Ibnu Khaldun, 2000; Aintley & Luntley, 2007; Ahmad Yunus, 2011). Guru seharusnya mengetahui kebolehan murid, memotivasiikan murid, mampu mengawal kelakuan murid, mewujudkan iklim belajar kondusif, mengklasifikasikan murid mengikut kumpulan, dan sering membuat penilaian (Shahril@Charil, 2004). Antara pengetahuan berkaitan murid yang disarankan oleh Rasulullah SAW ialah guru seharusnya menitikberatkan waktu, keadaan dan bahan pengajaran yang sesuai dengan murid (Ibrahim, 1999; Abdul Fattah, 2009; Ibrahim, 2012). Ini bermakna, para guru perlu sentiasa sabar dan berlemah-lembut dalam menyampaikan sesuatu isi pengajaran (Abdul Fattah, 2009), kerana medan utama dalam keberkesanan penyampaian pengajaran dan pembelajaran adalah kefahaman yang diterima oleh murid (Kamarul Azmi, 2012). Kajian mengenai pengajaran berkesan guru cemerlang telah dibincangkan secara meluas oleh ramai pengkaji (Kamarul Azmi, 2010; Mohd Kassim, 2010; Ahmad Yunus, 2011; Creasy et al., 2011; Van Driel & Berry, 2012; Caspersen, 2013). Oleh itu, kajian ini khusus menumpukan kepada pengetahuan terhadap murid peserta kajian dalam pengajaran ibadat Pendidikan Islam.

## PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan pandangan para sarjana Islam, guru mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap murid di sekolah (al-Ghazali, 1939; Al-Syaibani, 1975; Ahmad Tafsir, 2000; Ghazali, 2008). Guru dalam konteks Pendidikan Islam bukan sekadar memindahkan maklumat kepada murid bahkan berperanan untuk melahirkan *khalifatullah* yang mempunyai perkembangan seimbang (Kamarul Azmi & Ab. Halim, 2012), berakhlik mulia dan bertanggungjawab (Mustafa, 2002) serta menajamkan makna kemanusiaan agar murid mampu menempuh era globalisasi (Asmawati, 2005).

Seseorang yang bergelar Guru Pendidikan Islam (GPI) sekali gus sebagai seorang *daie* mestilah mempunyai pengetahuan mendalam terhadap murid (Ab. Halim, 2012). Permasalahannya, berdasarkan kajian Zalmiza (2004), 26 orang murid menyatakan Pendidikan Islam tidak berkesan/tidak pasti memberikan kesan dalam kehidupan seharian mereka, 41 orang murid bersetuju corak pengajaran guru Pendidikan Islam membosankan, 31 murid tidak berminat dengan mengikuti pengajaran GPI dan 18 daripada mereka bersetuju dengan kenyataan GPI mengajar tanpa persediaan yang rapi. Dapatkan kajian Zarin dan Ab. Halim (2006) mendapati pengetahuan guru terhadap murid masih berada pada tahap memuaskan antaranya menjarakkan pengajaran (cepat/lambat) memperoleh min = 3.6, menyesuaikan strategi pengajaran dengan sumber yang ada (min = 3.47), mengesahkan masalah pembelajaran murid (min = 3.42) dan aspek yang agak ketara rendah ialah pengajaran dan pembelajaran berasaskan aras purata min hanya 2.96 sahaja. Seharusnya, GPI mengambil kira faktor yang mempengaruhi kesediaan murid belajar antaranya kematangan mental, kematangan emosi, kematangan fizikal, kematangan sosial; pengalaman murid, motivasi, pengamatan (berlaku melalui maklumat yang diterima melalui lima deria), tanggapan murid terhadap pembentukan sesuatu konsep, ingatan dan lupaan murid (Sahabuddin & Rohizani, 2003).

Justeru, guru pendidikan Islam seharusnya mengenali murid mereka, menunjukkan kasih sayang, menghormati idea, membina potensi mereka, menegur dengan cara hikmah bahkan sekiranya menghukum adalah untuk mendidik bukannya mendenda. Secara asasnya, sangat penting bagi seseorang GPI menyedari bahawa bilik darjah mereka dipenuhi oleh pelbagai murid yang inginkan pengiktirafan sebagai individu, dipanggil dengan nama mereka dan mempunyai keperluan tersendiri yang mesti dipenuhi. Oleh itu, pengajaran Pendidikan Islam sepatutnya berlangsung dalam suasana sihat persekitaran yang mendorong untuk belajar, murid bersemangat untuk menimba ilmu, mendapat sokongan dan motivasi daripada guru serta berlakunya interaksi dua hala semasa proses pengajaran.

## PENGETAHUAN BERKAITAN MURID DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM

Guru merupakan faktor kritikal dalam pengajaran Pendidikan Islam kerana kesediaan murid banyak bergantung kepada guru lebih-lebih lagi pengajaran ibadat memerlukan kepada kefahaman, tunjuk cara dan penghayatan (Ahmad Yunus, 2011; Ab. Halim, 2012; Fathiyah et al., 2013). Pengetahuan seseorang guru berkaitan muridnya, terutama mengenali mereka secara rapat akan mewujudkan hubungan yang positif antara kedua belah pihak (Kwo, 2004). Dari sudut profesionalnya pula, guru Pendidikan Islam sepatutnya mengaplikasikan pelbagai kaedah pengajaran untuk memudahkan kefahaman murid di samping mempunyai pengetahuan yang luas dan mendalam untuk membantu murid dalam pembelajaran (Eggen & Kauchak, 2012). Penggunaan profil ringkas murid boleh membantu guru Pendidikan Islam untuk lebih mengenali latar belakang, kemajuan dan keperluan khusus seseorang murid (Coombs, 2009). Di samping itu, guru juga digalakkan bukan sekadar mengetahui nama murid bahkan keturunan dan negeri mereka, bertanyakan murid yang tidak hadir dan sakit serta menziarahi mereka (Ali Murad, 2003).

Selain itu, guru seharusnya melazimi kata-kata yang sopan (Mahyuddin, 2001). Apabila ingin memanggil murid sebaik-baiknya menggunakan nama panggilan yang sopan dan disukai murid (Abdullah Nasikh, 2006). Pengajaran Pendidikan Islam memerlukan kepada komunikasi yang baik daripada guru kerana penggunaan perkataan yang baik dapat memberi kesan yang mendalam terhadap jiwa seseorang pelajar (Ibrahim 14:24). Kajian Norliza (2011) mendapati kemahiran komunikasi dilihat sebagai faktor yang menentukan keberkesaan pengajaran, malah komunikasi berkesan dapat membantu guru mengenal pasti tingkah laku murid di samping menerapkan nilai-nilai positif bagi meningkatkan kemahiran sosial dan emosi murid.

Menurut al-Syaibani (1975) pengajaran dan pembelajaran haruslah menggembirakan dan menarik perhatian murid. Dalam kata lain, pengajaran guru perlulah beransur-ansur mengikut aras pelajar. Rasulullah SAW cukup menitikberatkan konsep beransur-ansur dalam memberi pengajaran dan sentiasa mendahulukan perkara yang lebih penting ke atas perkara penting dan mengajar satu persatu dan secara beransur (Abdul Fattah, 2009). Tujuan adalah untuk mudah difahami dan diingati dan dicerna oleh murid baginda. Menurut al-Ghazali (1939) guru mesti mengajar mengikut kesesuaian tahap kemampuan akal pemikiran murid, rancangan pengajaran juga haruslah dirancang selaras dengan tahap pemahaman murid. Di samping itu, guru tidak mengemukakan sesuatu tajuk yang agak tinggi yang mana pelajar belum bersedia menerima. Guru juga hendaklah mengambil kira perbezaan individu dan kesesuaian ilmu dengan keupayaan murid. Pandangan al-Ghazali ini menunjukkan perlunya wujud keharmonian antara kandungan ilmu dan tahap intelek murid (Abdul Salam, 2010).

Dalam bidang pendidikan, menurut Esah (2004) tugas pengajar ialah mendidik dan membentuk murid yang mempunyai perbezaan dari segi kebolehan kognitif, afektif dan psikomotor. Ini bermakna murid yang diajar oleh guru adalah berbeza kebolehan intelek, kesediaan emosi dan kebolehan fizikalnya. Oleh itu, kemahiran dan kaedah tertentu yang digunakan dalam pengajaran belum pasti lagi sesuai dengan kesemua murid dalam kelas itu. Al-Ghazali (1939) juga menegaskan guru mestilah mengajar dengan jelas kepada yang lambat faham, mengajar daripada mudah kepada kompleks serta sentiasa memberi idea dan pandangan yang dapat membimbing murid. Pengajaran ilmu syariat mestilah dimulai dengan menghafal serta memahami, kemudian meyakini dan membenarkannya (al-Ghazali, 1939). Hardaker dan Sabki (2012) menyokong pandangan al-Ghazali dengan menegaskan hafalan merupakan asas kepada penghayatan ilmu. Menurut Al-Ghazali (1939) penggabungan ilmu intelektual dan ilmu syariat adalah penting kerana kedua-duanya amat diperlukan dan saling berhubung.

Kepelbagai aktiviti yang melibatkan guru dan murid boleh dilaksanakan dalam bilik darjah (Abdull Sukor, 2008). Penggunaan pelbagai lokasi seperti surau, kelas, kawasan sekitar sekolah juga membantu murid untuk belajar selaras dengan pendekatan yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w (Abdul Ghafar & Jaffary, 2009; Wan Idros et al., 2011). Berkaitan perbezaan individu dalam bilik darjah, menurut Al-Nahlawi (1979) guru juga perlu bersabar dalam menyampaikan ilmu pengetahuan. Ini kerana proses pengajaran perlu dilakukan dengan berulang-ulang bagi memastikan pelajar memahami kandungan pengajaran yang disampaikan. Rasulullah s.a.w juga memberi garis panduan etika seorang guru seharusnya jujur, peramah, ikhlas, memudahkan pengajaran terhadap murid (Ibrahim, 2012). Menurut Abdul Salam (2010) Imam al-Ghazali menyatakan guru perlu memerhatikan masalah yang dihadapi oleh muridnya, kemudian atas dasar inilah penyelesaian dibentuk. Ali Murad (2003) berpendapat guru hendaklah mengambil berat sekiranya terdapat pelajar kurang upaya dalam bilik darjah agar proses pengajaran menjadi pengalaman yang menggembirakan mereka.

Merujuk kepada Mohammed Sani (2006) guru seharusnya tahu untuk menilai hasil kerja murid, bagaimana menilai kemajuan murid dan menetapkan tahap kemajuan mereka. Coombs (2009) menyatakan bahawa guru yang menyedari murid belum memahami sesuatu idea perlu menambah masa dan segera mengubah suai rancangan pelajaran pada waktu itu berdasarkan pemahaman murid. Murid perlu diberitahu, diajar, dibantu bagi menggabungkan maklumat yang diterima daripada guru. Guru seharusnya sentiasa melakukan semakan untuk mengenal pasti kefahaman murid. Semakan boleh dilakukan secara tidak formal dengan mengemukakan soalan kepada murid. Oleh itu, guru Pendidikan Islam sepatutnya mempunyai pengetahuan berkaitan murid untuk memudahkan proses pengajaran dan menegur kesalahan pelajar kerana ilmu yang diperoleh murid melalui pembelajaran berbeza-beza mengikut tingkat kemampuan daya pemikiran murid (al-Ghazali, 1939; Ibnu Khaldun, 2000).

## OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan perbincangan latar belakang kajian, maka kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut:

1. Meneroka pengetahuan terhadap murid peserta kajian dalam pengajaran ibadat Pendidikan Islam.

### Persoalan Kajian

1. Apakah pengetahuan terhadap murid peserta kajian dalam pengajaran ibadat Pendidikan Islam?

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Pendekatan kualitatif digunakan untuk kajian ini kerana ia amat sesuai mengkaji sesuatu kes secara mendalam dan menyeluruh (Slavin, 1992) dan menghimpunkan maklumat yang banyak mengenai sesuatu kes. Selain itu, kaedah kualitatif dapat memberi peluang kepada penyelidik untuk memerhati dan meneliti pengetahuan GCPI terhadap murid dalam keadaan persekitaran yang sebenar (Merriam, 1998). Data dikumpul dengan menggunakan kaedah temu bual (US TB1; US TB2; US TB 3), pemerhatian (US OB1) dan analisis dokumen (US AD1). Penyelidik yang merupakan alat utama kajian akan memberi kefahaman yang lebih baik dan bermakna terhadap apa yang diperhatikan (Marohaini, 2001). Pemilihan sampel adalah menggunakan kaedah '*purposive sampling*' atau persampelan bertujuan (Miles & Huberman, 1994). Ini bererti responden tersebut perlu dipilih dan dikenal pasti terlebih dahulu supaya dia dapat memberi maklumat yang bersesuaian dan mencukupi. Seorang Guru Cemerlang Pendidikan Islam DG44 telah dipilih dalam kajian ini berdasarkan cadangan yang diterima daripada Pejabat Pelajaran Daerah.

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini memberi fokus untuk menjawab persoalan yang ditentukan berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu pengetahuan terhadap murid peserta kajian dalam pengajaran ibadat Pendidikan Islam. Ustazah Soleha (bukan nama sebenar) diiktiraf sebagai Guru Cemerlang Pendidikan Islam ketika berusia 29 tahun. Kes ini menarik dan unik antaranya kerana beliau merasakan tugas dan tanggungjawabnya tidak hanya terhenti sebagai guru bahkan turut menggalas tugas *daie* di sekolah. Ustazah Soleha pernah memegang jawatan utama sebagai Setiausaha Disiplin dan merupakan Jurulatih Utama Pendidikan Islam Daerah di negeri beliau bertugas. Berdasarkan pengamatan pengkaji terhadap beliau melalui tiga sesi temu bual dan pemerhatian yang dijalankan, Ustazah Soleha sangat mengambil berat terhadap muridnya dan sering bertanya sama ada mereka melaksanakan solat Subuh atau sebaliknya.

*Sebelum memulakan pengajaran, biasanya saya akan bertanya, pagi tadi solat subuh ke tidak? Kalau murid tidak solat, saya akan beritahu kenapa mesti solat. Memang pada mulanya tidak memberi kesan. Tapi sekiranya, setiap hari kita tanya, pertanyaan itu akan menyentuh hati murid. Hakikatnya, apabila kita mengajar, set induksi seorang ustazah mesti tanya murid solat atau tidak. Kalau kelas hadapan, mereka akan mengaku semua positif dan baik. Tapi, kalau kelas belakang mereka sangat jujur, dan murid kelas belakang ni lah yang akan rapat dengan guru apabila tamat belajar. (US TB1/125)*

Ustazah Soleha juga menganggap murid seperti anaknya. Bahkan, beliau sangat risau sekiranya murid tidak faham pengajaran ibadat yang disampaikan. Beliau berpendapat pengajaran ibadat memerlukan kepada kefahaman mengenai ilmu, murid boleh melaksanakannya dengan betul dan sepatutnya menghayati setiap amalan ibadat yang mereka laksanakan. Ustazah Soleha mengistilahkan muridnya sebagai 'budak'. Dalam masa yang sama, beliau, mengenal pasti kecenderungan muridnya lebih berminat dengan pengajaran selain dalam bilik darjah.

*Memang sayang kepada budak-budak ni, dan sangat risau bila mereka tak faham. Ustazah ada buat kajian tindakan yang terapi zikir ni untuk budak kelas belakang paling hujung, mereka tak minat belajar tapi sangat suka ke surau dan buat aktiviti luar. (US TB2/22)*

Beliau mengakui mengetahui maklumat umum berkaitan muridnya. Walaupun hakikatnya sekolah menengah harian di bandar ternama kapasiti murid dalam sesebuah kelas antara 40 hingga 45 orang. Ustazah Soleha mengenali muridnya berdasarkan nama murid, kemahiran jawi, latar belakang keluarga dan tulisan murid. Bagi murid yang bermasalah membaca tulisan jawi beliau membenarkan muridnya menulis nota menggunakan tulisan rumi. Beliau menjelaskan pendekatan ini memudahkan murid untuk mendapatkan ilmu Pendidikan Islam. Ustazah Soleha juga mengingati semua nama muridnya, malah mengenal pasti kesilapan ejaan nama muridnya pada buku daftar sekolah dan kad keputusan peperiksaan. Perkara ini telah dikenal pasti semasa pemerhatian pengajaran dijalankan terhadap beliau.

Pengajaran ibadat berkaitan sembelihan dilaksanakan secara amali oleh Ustazah Soleha dengan mengambil dua waktu pengajaran dan pembelajaran (P&P). Kesungguhan Ustazah Soleha terbukti apabila amali sembelihan ini pada asalnya dilaksanakan pada peringkat rintis kemudiannya diikuti oleh guru-guru Pendidikan Islam lain di sekolah. Beliau sangat menekankan pengajaran ibadat yang perlu dilakukan amali mesti menggunakan kaedah amali supaya murid lebih jelas dengan sesuatu konsep.

*Amali sembelihan ni, saya laksanakan semasa P&P, asalnya saya rintis, tiada guru lain buat. Saya tempah ayam dan juru sembelih. Jadi sembelihan tu pakcik tu akan tunjuk cara sembelih. Murid pun akan sembelih sendiri. Kemudian, ayam tu kita hantar kedai untuk proses dan masak. Waktu pengajaran dan pembelajaran sebenarnya dua masa tu cukup untuk amali sembelihan. (US TB1/40)*

*Jadi cara paling berkesan amali la. Bila buat amali budak akan ingat sampai bila-bila. Contoh ustazah ajar sembelihan tingkatan 4, bila naik tingkatan 5 budak tu kata "ustazah, ni yang pakcik tu kata kena mengadap kiblat. Ustazah ulang pada mereka 'itulah sunat semasa sembelihan. '". Pakcik tu bagi ayat simple: Tak boleh angkat pisau. Itu ustazah kata "dengan sekali sembelihan". Kita ni penyampai ilmu yang dia dapat. Biasa ibadat kena amali, macam-macam mana pun kena amali. Biar ilmu yang murid dapat memberi implikasi yang jelas pada akhlak dan penghayatan murid. (US TB1/56)*

Perbezaan sifat murid lelaki dan perempuan juga diambil perhatian oleh Ustazah Soleha contohnya semasa amali sembelihan ayam yang dilakukan di sekolah, ustazah Soleha menyatakan kebiasaan murid lelaki lebih berani dan boleh melaksanakan aktiviti tersebut. Murid perempuan pula agak takut untuk melakukan amali sembelihan. Namun sekiranya tugas di dalam kelas, Ustazah Soleha lebih cenderung memberikan tugas lebih kepada murid perempuan iaitu ketika pengajaran Lambaian Kaabah, murid perempuan diberikan dua sampul soalan untuk disiapkan berbanding murid lelaki.

Aspek seterusnya yang diberi perhatian semasa pengajaran ibadat berlangsung ialah motivasi murid. Ustazah Soleha menghargai hasil kerja muridnya dengan membuat salinan dan mengedarkan peta minda daripada kumpulan terbaik kepada semua murid. Melalui pemerhatian pengajaran yang dilakukan Ustazah Soleha kerap memuji murid dengan ucapan-ucapan positif 'bagus' dan 'tahniah' bahkan beliau memberi hadiah klip kertas bercorak menarik kepada murid yang menjawab dengan betul. Beliau juga menggalakkan muridnya seorang demi seorang untuk memberi jawapan dengan menyebut nama mereka, antara kata-kata yang ustazah Soleha yang menggambarkan keprihatinan terhadap murid ialah:

*Biasanya pujian, memang kita sebut dalam kelas, dan saya ajak murid datang ke depan kelas. (US TB1/ 21)*

*Kumpulan terbaik akan saya pilih dan fotostat dan bagi semua murid, semua murid akan dapat nota kumpulan itu. Murid seronok (US TB1/19)*

Ustazah Soleha juga mengambil berat mengenai tahap pembelajaran murid-muridnya sebelum memberi tugas kepada mereka. Murid kelas akhir sangat diberi perhatian olehnya, satu kajian tindakan yang dinamakan Kaedah Terapi Zikir dan Solat Sunat Taubat telah dirangka dan dilaksanakan di surau sekolah oleh Ustazah Soleha khusus untuk murid kelas akhir iaitu kelas ke-12 iaitu 4 Luhur. Berdasarkan usaha ini Ustazah Soleha seorang yang sangat komitmen dalam menyampaikan ilmu kepada muridnya. Justeru itu, usaha yang beliau laksanakan,

*Memang sayang kepada murid dan sangat risau bila mereka tidak faham. Kajian tindakan yang terapi zikir ini untuk murid kelas belakang, paling hujung, tidak minat belajar tapi sangat suka ke surau buat aktiviti luar. (US TB 2/22)*

*Solat sunat taubat tu memang buat. Kesannya memang ada. Murid jadi jinak sikit dengan subjek agama. (US TB1/166)*

Beliau juga memberi penerangan lanjut mengenai pendekatan pengajaran terhadap murid kelas akhir, biasanya Ustazah Soleha memudahkan mereka dengan memberi minimum silibus iaitu perkara asas fardu ain contohnya bacaan dalam solat, maksud dan pengertian sesuatu tajuk. Beliau menegaskan memberi terlalu banyak tekanan pengajaran kepada murid kelas akhir akan membebankan mereka. Matlamat utama pengajaran Ustazah Soleha terhadap murid kelas akhir ialah supaya mereka minat dengan kelas Pendidikan Islam, walaupun

gagal dalam peperiksaan tetapi tidak boleh gagal menuaikan solat. Sekiranya pengukuhan diberikan, Ustazah Soleha meminta mereka menyiapkannya semasa kelas berlangsung dan beliau terus menyemak hasil kerja murid. Berlainan pula dengan pendekatan terhadap murid kelas awal hingga pertengahan. Menurut Ustazah Soleha murid kelas pertengahan selalunya memberi respon yang baik manakala murid kelas awal lebih mudah memahami pengajaran. Beliau meletakkan matlamat tinggi terutamanya dalam peperiksaan terhadap kedua-dua tahap murid ini. Antara tugas yang sesuai untuk mereka ialah folio dan pembentangan kumpulan.

*Jangan susahkan murid-murid kita, mengajar ni kita sebagai penyampai ilmu khususnya ibadat. Permudahkan. Jangan bagi nampak ibadat ni susah. Solat ni susah. Contoh, masa sakit boleh solat sambil duduk, baring dan isyarat mata. Boleh juga ganti wuduk dengan tayamum. Ustazah kenal tahap murid ustazah, secara psikologinya, mudah ustazah sampaikan pengajaran. (US TB2/101)*


Ustazah Soleha mengenal pasti masalah pembelajaran miskonsepsi murid mengenai mandi wajib dan solat. Murid lelaki dan perempuan sering menggunakan istilah BMW (belum mandi wajib) untuk mengelakkan mereka ke surau. Beliau mendapati murid-muridnya lebih cenderung menyatakan mandi wajib tersebut sukar untuk dilakukan, mengambil masa yang lama dan perlu dilakukan dengan sangat tertib dan hanya dilaksanakan selepas proses persetubuhan antara lelaki dan perempuan. Ustazah Soleha berpendapat miskonsepsi murid ini menjelaskan sifat tidak acuh murid terhadap rukun Islam kedua dengan menyatakan:

*Sebab apa ni nak mandi wajib? Dia jawab ye lah, lepas buat hubungan kena mandi wajib. Kalau mandi wajib ni kaitannya dengan sembahyang lah. Kalau orang sembahyang dia alert dengan mandi wajib (US TB1/71).*

Miskonsepsi murid juga dikesan pada pengajaran ibadat berkaitan Istinjaq. Menurut Ustazah Soleha kebanyakan murid beranggapan istinjaq membersihkan kemaluan selepas qada' hajat dengan menggunakan batu.

*Kalau imbas tajuk-tajuk lepas, sebut saja istinjaq, ramai yang ingat istinjaq ni membersihkan kemaluan dengan menggunakan batu. Jadi ustazah tanya, "Jadi tiap-tiap hari awak guna batu lah?" Masing-masing kehairanan. Ustazah jelaskan semula istinjaq juga ialah dengan menggunakan air atau guna benda-benda kesat kemudian disudahi dengan air. (US TB2/ 117)*

Model pengetahuan terhadap murid Ustazah Soleha dibina berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh melalui temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Ustazah Soleha mengenali murid-muridnya berdasarkan lima kategori utama iaitu (i) maklumat umum merangkumi nama, tulisan murid, latar belakang keluarga dan kemahiran jawi, (ii) masalah pembelajaran, (iii) motivasi murid yang melibatkan ganjaran, pujian dan hasil kerja, (iv) sifat murid berdasarkan jantina lelaki dan perempuan, dan (v) tahap murid sama ada daripada kelas awal, pertengahan dan akhir. Rajah 1.0 menggambarkan Model Pengetahuan Terhadap Murid Ustazah Soleha.



**Rajah 1.0 Model Pengetahuan Terhadap Murid Ustazah Soleha**

## KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian, pengetahuan terhadap murid yang merangkumi maklumat umum, sifat, tahap, motivasi dan masalah pembelajaran murid merupakan asas penting yang mesti dikuasai oleh guru Pendidikan Islam. Hal ini memberi kesan kepada pemilihan pedagogi yang akan dipraktikkan dalam bilik darjah sesuai dengan tahap pembelajaran murid. Dalam masa yang sama perkara ini merangsang aktiviti pembelajaran mereka. Secara tuntas, meraikan kepelbagaiannya individu dalam bilik darjah menjadikan guru Pendidikan Islam lebih sensitif dengan persekitaran di sekeliling mereka. Pada masa yang sama, membuka dimensi baru dan memberi peluang pelbagai inovasi serta kajian tindakan dirancang dan dilaksanakan khusus kepada murid-murid tertentu. Malah, pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam lebih bermakna dan berkesan apabila hubungan positif antara guru dan murid terbina.

## RUJUKAN

Ab. Halim Tamuri. (2012). Memugar Kecemerlangan Guru Pendidikan Islam. Kertas kerja Siri Wacana Hadari 6/2012. 19 November 2012.

Abdul Fattah Abu Ghuddah.(2009). *Rasulullah Pendidik Terulung: 40 Teknik Mengajar Rasulullah*. Terj Hj Shuhadak Mahmud. Negeri Sembilan: Al-Azhar Media.

Abdul Ghafar Hj Don, & Jaffary Awang. (2009). Knowledge Management and its Impact on Islamic Da'wah: A Historical Perspective. *Journal of Islamic and Arabic Education* 1(2): 61–68.

Abdul Salam Yussof. (2010). *Idea-idea pendidikan berkesan al-Ghazali dan Konfusius*. Bangi: Penerbit UKM.

Abdull Sukor Shaari. (2008). *Guru berkesan: Petua dan panduan*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

Abdullah Nasikh Ulwan. (2006). *Pedoman pendidikan anak dalam Islam*. Kuala Lumpur: Victorie Agencie.

Ahmad Tafsir. (2000). *Ilmu pendidikan dalam perspektif Islam*. Bandung: Penerbit PT Remaha Rosdakarya.

Ahmad Yunus Kasim. (2011). *Pengetahuan pedagogikal kandungan (PPK) pengajaran akidah guru cemerlang Pendidikan Islam: Satu Kajian Kes. Tesis Dr. Fal*, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Aintley, J., & Luntley, M. (2007). Towards an articulation of expert classroom practice. *Teaching and Teacher Education* 23(2007): 1127-1138

Al-Ghazali, Abu Hamid. (1939). *Ihya Ulum al-Din*. Juzuk 1. Mesir: Mutba'ah Mustafa al-Bab al-Halabi.

Ali Murad, Yahya Hasan. (2003). *Adab al-'alim wa al-muta'allim 'ind al-mufakkirin al-muslimin min muntasif al-qarn al-thani al-hijri wa hatta nihayah al-qarni al-sabi'*. Beirut: Dar Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Nahlawi, Abdul Rahman. (1979). *Usul Tarbiyyah Islamiyyah*. Beirut: Dar al-Ma'asir.

Al-Quran al-Karim. *Tafsir pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian al-Quran*: (30 juz). Ed. Ke 12. Kuala Lumpur: Darulfikir.

Al-Syaibani, Omar Muhammad Al Toumy. (1975). *Falsafah al-tarbiyyah al-Islamiyyah*. Libya: al-Mansyaah al-Syabiyyah li al-nasyr wa al-tauzi' wa al-'ilam.

Asmawati Suhid. (2005). Kerelevan Pendidikan Nilai dan Agama Dalam Pembentukan Masyarakat Madani. *Jurnal Pendidikan Islam*, 11(2): 69-82.

Caspersen, J. (2013, Feb). The valuation of knowledge and normative reflection in teacher qualification: A comparison of teacher educators, novice and experienced teachers. *Teaching and Teacher Education*. 30: 109-119.

Coombs, B. (2009). *Mengajar secara efektif*. Kuala Lumpur: Terj. Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.

Creasy, J. A, Whipp P. R, & Jackson, B. (2011). Teachers Pedagogical Content Knowledge and Students ' Learning Outcomes in Ball Game Instruction 7(1): 3-11.

Eggen, P. D., & Kauchak, D. P. (2012). *Strategies and models for teachers: Teaching content and thinking skills* (6th ed.). Boston, MA: Allyn & Bacon.

Esah Sulaiman. (2004). *Pengenalan pedagogi*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Fathiayah Mohd Fakhruddin, Nor Hayati Alwi, Azimi Hamzah, & Lukman Abd. Mutualib. (2013, January). Pemahaman Dan Pengalaman Guru Pendidikan Islam Menerapkan Elemen Amalan Dalam Pengajaran. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(1).

Ghazali Basri. (2008). Peranan Pendidik Dalam Pembentukan Ummah dalam Said Ahmad Mohamad & A. Haris Khalif Muammar (Eds.), *Pembangunan Watak Bangsa*. Kajang: Kolej Dar al-Hikmah & Akademi Kajian Ketamadunan.

Hardaker, G., & Aishah Ahmad Sabki. (2012). Educational innovation: Teaching and learning innovation for Islamic Education. Kertas kerja *Discourse on Educational Thought 2012*, Putrajaya.

Ibnu Khaldun. (2000). *Muqaddimah Ibnu Khaldun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ibrahim A., Al-Sadan. (1999). The pedagogy of the Prophet. *Muslim Education Quarterly*, 16:5-18.

Ibrahim Mohammad Hamm. (2012). Islamic Perspective of Education and Teachers. *European Journal of Social Sciences* 30(2): 223–235.

Kamarul Azmi Jasmi, & Ab. Halim Tamuri. (2012). *Pendidikan Islam kaedah pengajaran dan pembelajaran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Kamarul Azmi Jasmi. (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Malaysia: Satu Kajian Kes*. Tesis Dr. Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Aplikasi Pendekatan Berpusatkan Pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran Guru Cemerlang. Kertas kerja *Persidangan Meja Bulat: Penyediaan Guru Cemerlang*. IKIM 6 September 2012.

Kwo, Ora W. Y. (2004). Understanding the awakening spirit of a professional teaching force. *International Journal of Educational Research* 41:292-306.

Mahyuddin Ashaari. (2001). Strategi Pendekatan Penyayang dalam pendidikan. *Jurnal Pendidikan Islam*, 9(3): 1-7.

Marohaini Yusoff. (2001). *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Merriam, S. B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Application in Education*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.

Miles, M. B., & Huberman, A. M. (1994). *Qualitative Data Analysis*. Thousand Oaks, CA: Sage.

Mohammed Sani Ibrahim. (2006). Standard Kompetensi Guru Malaysia. *Profesjon Perguruan* (Ed. Norzaini Azman & Mohammed Sani Ibrahim), Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Kassim Tusin. (2010). *Kualiti Diri Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Sabah*. Tesis Dr Fal. Universiti Malaysia Sabah.

Mustafa Daud. (2002). *Cabarani Tamadun Islam pada alaf baru di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.

Norliza Abdul Majid. (2011). *Kemahiran komunikasi dan motivasi kerja dalam kalangan Guru Cemerlang*. Tesis Dr. Fal., Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sahabuddin Hashim, & Rohizani Yaakub. (2003). *Psikologi pembelajaran dan personaliti*. Bentong: PTS Publications.

Shahril @ Charil Marzuki. (2004). Amalan pengajaran yang berkesan: Kajian di beberapa sekolah menengah di Wilayah Persekutuan dan Selangor. *Jurnal Pendidikan*, 24:29-40.

Shulman, L. S. (1986). Those who understand: Knowledge growth in teaching. *Educational researcher*, 15(2): 4-14.

Shulman, L. S. (1987). Knowledge and teaching: Foundations of the new reform. *Harvard educational review*, 57(1): 1-23.

Slavin, R. (1992). *Research Methods in Education* (2nd ed.). Boston: Allyn & Bacon.

Van Driel, J. H., & Berry, A. (2012). Teacher professional development focusing on Pedagogical Content Knowledge. *Educational Researcher*, 41(1):26-28.

Wan Idros Wan Sulaiman, Maizatul Haizan Mahbob, & Arina Anis Azlan. (2011). Learning outside the classroom: Effects on student concentration and interest. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 8:12–17.

Zalmiza Zakariya. (2004). *Penerimaan dan penghayatan pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam: Satu Kajian di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di daerah Kota Setar, Kedah*. Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zarin Ismail & Ab. Halim Tamuri. (2006). *Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam di bilik darjah: satu analisis pemerhatian*. Seminar Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam 1 April 2006, Universiti Kebangsaan Malaysia.